

KESAN MODAL DAN PERUBAHAN TARAF KEHIDUPAN SOSIO-EKONOMI DAN SOSIO BUDAYA PEKERJA-PEKERJA INDIA DI LADANG SEJAK TAHUN 1971: SATU KAJIAN KES DI LADANG NOVA SCOTIA, TELUK INTAN, PERAK.

---

OLEH

KRISHNAN PONNUSAMY

LATIHAN ILMIAH  
DISERAHKAN KEPADA JABATAN GEOGRAFI  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARI PADA KEPERLUAN TERHADAP IJAZAH SARJANA MUDA  
SASTERA DENGAN KEPUJIAN DALAM HIDANG  
GEOGRAFI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG  
1986

### PRAKATA

Kekurangan dalam kajian yang menganalisiskan sejarah evolusi masyarakat India, khasnya golongan pekerja-pekerja di ladang pernah dirasai oleh pelajar-pelajar di institusi kajian tinggi. Justru, kajian ini merupakan suatu percubaan untuk memenuhi keperluan tersebut.

Dalam kajian ini percubaan diadakan untuk memahami perubahan dalam corak kehidupan sosio ekonomi dan sosio-budaya pekerja-pekerja India di ladang pertanian perdagangan, sejak tahun 1971. Untuk tujuan tersebut, ladang-nova Scotia, sebuah ladang kelapa sawit di daerah Hilir-Perak, telah dipilih. Latihan Ilmiah ini adalah hasil daripada kajian luar yang telah dijalankan dalam ladang tersebut selama sebulan iaitu mulai dari 1 haribulan Mei hingga 31 haribulan Mei tahun 1985.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pengenalan memberi cacatan ringkas mengenai asal-usul kedatangan kaum India ke Malaysia pada zaman penjajahan serta peranan mereka dalam bidang-bidang ekonomi, politik dan sosial. Bab ini juga menyentuh sepintas lalu mengenai latar belakang kehidupan, sistem organisasi sosial, masalah-masalah yang dihadapi dan perubahan yang diperlihatkan oleh pekerja-pekerja India di ladang pertanian perdagangan hingga ke masa kini.

Kajian ini dilengkapkan dengan peta, jadual dan rajah di tempat-tempat yang perlu. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada catatan-catatan kerajaan, risalah, majalah, buku-buku yang kebanyakannya diperolehi dari perpustakaan Universiti Sains Malaysia, catatan-catatan syarikat-syarikat perladangan dan Persatuan Penanam-penanam ( Planters Association ) dan ingatan orang-orang tua, telah menyumbang untuk menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

PENGHARGAAN

Saya terhutang budi kepada penyelia saya Profesor Madya Dr Mahindar Santokh Singh, merangkap Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, kerana memberi galakan, nasihat, cadangan-cadangan dan komen yang membina dengan sabar dalam usaha menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Sekalung penghargaan juga disampaikan kepada pensyarah-pensyarah di jabatan geografi yang sudi memberi cadangan-cadangan yang berguna untuk menyelesaikan berbagai masalah.

Begitu juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga disampaikan kepada pengurus dan kakitangan-kakitangan Ladang Nova Scotia yang telah membenarkan saya untuk menjalankan kajian luar di ladang tersebut dan memberi maklumat dan keterangan yang amat bernilai untuk melengkapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada responden-responden yang telah bekerjasama dan meluangkan masa untuk membincangkan berbagai masalah berkaitan dengan kajian ini.

KRISHNAN PONNUSAMY

15 haribulan Februari Tahun 1986.

ABSTRAK

Orang-orang India di Malaysia yang digelar " Malaysian Indians " merupakan golongan etnik yang terbesar selepas orang-orang Melayu dan Cina. Sebagai sebuah masyarakat pendarat, kebanyakannya mereka telah dibawa sebagai buruh untuk ladang-ladang getah oleh penjajah Inggeris pada abad yang ke sembilan belas.

Walaupun masyarakat India merupakan kelompok minoriti, namun mereka adalah bertanggung jawab dalam menegakkan kebudayaan dan amalan-amalannya di bumi Malaysia. Dalam peredaran masa dan melalui proses penyesuaian dan modenisasi, cara hidup dan cara pemikiran mereka telah berubah secara mendadak. Aliran perubahan ini adalah sangat ketara terutama di kalangan kebanyakan orang-orang India di kawasan bandar dan khasnya, di kalangan beberapa orang India di kawasan perladangan.

Justru kajian ini adalah suatu usaha untuk mempersembahkan evolusi tentang proses-proses perubahan yang berlaku kepada kehidupan pekerja-pekerja India di komuniti perladangan. Para buruh India di Ladang Nova Scotia memperolehi pendapatan dari punca-punca yang berbeza dan ini membawa ke pengumpulan modal dalam keluarga. Penembusan modal telah membuat sumbangan untuk membawa perubahan struktur dalam aspek sosio-ekonomi dan sosio budaya dalam masyarakat tersebut. Perubahan tersebut adalah sangat jelas dalam bidang-bidang pendidikan, makanan dan pemakanan, kesihatan, pemilikan dan pengurusan harta, item-item seperti perabut dan perkakas rumah yang